

# Zaidatul tekad jadi penyumbang pingat

BERITA HARIAN

20/5/2017 p.89

**Kuala Lumpur:** Meskipun menyifatkan hanya ingin melakukannya yang terbaik, Zaidatul Husniah Zulkifli tetap mahu menjadi antara penyumbang pingat pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL 2017), Ogos ini.

“Sekarang tumpuan saya adalah latihan kerana kejohanan yang penting selepas ini adalah KL2017.

“Ini kerana kemuncak sasaran saya adalah KL2017, jadi saya berhasrat melakukan yang terbaik dan sekurang-kurangnya meraih pingat,” katanya kepada BH Sukan, semalam.

Zaidatul dalam masa sama menjelaskan latihannya buat masa ini tidak terganggu kerana menangguhkan pengajian semester ini di Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana ingin memberikan tumpuan kepada sukan.

## Pemegang rekod kebangsaan

Sebagai rekod, pelari berusia 24 tahun itu adalah pemegang rekod kebangsaan acara pecut 100 meter wanita dengan kepanantasan 11.45 saat.

Kepantasan itu dilakar di Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan Mac lalu, sekali gus memadam rekod 11.50 saat berusia 24 tahun milik G Shanti.

Bagi KL2017, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) memberikan sasaran awal iaitu 3 pingat emas yang pasti dalam gandingan iaitu dalam acara lompat kijang, lempar cakera dan lompat tinggi lelaki.

KL 2017 pada Ogos ini kini hanya berbaki 90 hari lagi sebelum temasya rasmi digelar gemilang membuka tirai.

Oleh Mohd Khairie Khalid

Zaidatul Husniah

